



## **PEMAKLUMAN JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

---

### **GOLONGAN PENGAWAL DATA DIGESA BERDAFTAR DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] mewajibkan Individu, Syarikat atau Organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial di Malaysia, mengemukakan permohonan pendaftaran kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP).

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi kini sedang giat menjalankan pemantauan bagi memastikan semua organisasi yang memproses data peribadi mendaftar sebagai Pengawal Data.

Sekiranya anda menerima Notis Pematuhan Pendaftaran Pengawal Data, anda wajib mengemukakan pendaftaran sebagai Pengawal Data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) <https://daftar.pdp.gov.my> bersama **fi yang ditetapkan dalam masa 14 hari**.

Notis tersebut adalah satu peringatan rasmi kepada Pengawal Data untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
28 JULAI 2025**